

Dana penyelidikan bahasa Tamil

Oleh MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK
kampus@utusan.com.my

KEMENTERIAN Sumber Manusia memberi sumbangan berjumlah RM50,000 kepada Tabung Penyelidikan Bahasa Tamil, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meluaskan penyelidikan dan penerbitan dalam bahasa itu baru-baru ini.

Sumbangan itu diserahkan oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam kepada Dekan FBMK, UPM, Prof. Madya Dr. Zamri Ahmad.

Menurut Subramaniam, peluang terbuka kepada semua kaum yang disediakan UPM untuk menjalankan penyelidikan Bahasa Tamil amat digalakkan di negara ini.


“Dalam era globalisasi kini, pelajar perlu meningkatkan ilmu kemahiran terutamanya

menguasai bahasa kedua untuk meningkat kualiti diri demi memenuhi keperluan pasaran kerja negara.

“Kita bukan sahaja perlukan tenaga kerja yang fasih dalam bahasa Melayu, malah memerlukan mereka yang berkebolehan dalam menguasai bahasa asing,” katanya.

Sementara itu, Zamri berkata, dana itu akan dimanfaatkan pelajar sebagai bantuan bagi penyelidikan, penerbitan serta pengajian siswazah bahasa Tamil di UPM.

Katanya, FBMK kini sedang berusaha



SUBRAMANIAM (kiri) menyerahkan sumbangan RM50,000 kepada Zamri Ahmad untuk penyelidikan dan penerbitan bahasa Tamil UPM di Putrajaya baru-baru ini.

mendapatkan dana penyelidikan itu dari luar negara antaranya di Mauritius, Afrika Selatan, India dan Amerika Syarikat.

“Dengan dana tersebut, UPM mampu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran bahasa Tamil,” katanya.